



KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JAPANESE ENCEPHALITIS (JE) DI MALAYSIA

Merujuk kepada artikel oleh *Free Malaysia Today (FMT)* bertajuk '**Sabah Minister confirms JE virus found in pig**' dan *The Star Online* bertajuk '**JE virus detected in pig farm in Tambunan**' bertarikh 16 Julai 2019, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa situasi kes Japanese Encephalitis (JE) di Malaysia termasuk Sabah dipantau dengan rapi di peringkat Kementerian dan Jabatan Kesihatan Negeri.

Pada tahun 2019, bagi tempoh Januari sehingga 13 Julai, sejumlah 15 kes JE dilaporkan di Malaysia melibatkan tiga (3) kes kematian JE iaitu dua (2) di negeri Sarawak dan satu (1) di Perak. Kesemua kes adalah kes **sporadik** dan **tiada wabak** JE dilaporkan. Daripada jumlah 15 kes JE yang dilaporkan, empat (4) kes adalah dari negeri Sabah iaitu masing-masing satu (1) kes di daerah Manggatal, Ranau, Papar dan Tambunan. Tiada tren peningkatan kes dikesan di negeri Sabah di mana bagi tempoh yang sama pada tahun 2018, sebanyak lima (5) kes JE telah dilaporkan di negeri Sabah.

Seperti yang dinyatakan oleh *The Star Online*, kes terbaru di daerah Tambunan dilaporkan pada 12 Julai 2019 melibatkan seorang lelaki dewasa berumur 20 tahun. Beliau telah dimasukkan ke Hospital Keningau pada 8 Julai 2019 dan kini masih menerima rawatan di wad perubatan hospital terbabit. Manakala kes JE yang dinyatakan oleh *FMT* melibatkan kanak-kanak berumur tujuh (7) tahun dari Taman Sentoria, Kota Samarahan Sarawak merupakan kes yang dilaporkan pada tahun 2017 dan disahkan bukan kes JE.

Untuk makluman, JE merupakan sejenis penyakit bawaan vektor disebabkan oleh flavivirus yang boleh mengakibatkan gejala '*viral encephalitis*'. Kebanyakan negara di Asia seperti India, Thailand, Filipina, Cambodia, Vietnam termasuk Malaysia merupakan negara endemik JE. Khinzir dan burung liar merupakan '*natural reservoir*' bagi virus ini dan ia boleh disebarkan kepada manusia melalui gigitan nyamuk *Culex*. Walau bagaimanapun, manusia merupakan '*dead-end host*' di mana transmisi jangkitan tidak boleh berlaku daripada seorang individu kepada individu yang lain.

Tanda-tanda dan gejala JE adalah seperti demam, sakit kepala, loya, muntah, perubahan keadaan mental, gejala neurologi, lemah dan gangguan pada pergerakan. Bagi individu yang mengalami tanda-tanda tersebut perlu berjumpa doktor untuk mendapatkan rawatan segera. Selain itu, amalan perlindungan diri seperti penggunaan repelen dan memakai pakaian cerah yang menutup anggota dapat mengurangkan risiko gigitan nyamuk.

Sekian, terima kasih

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

17 JULAI 2019